

RINGKASAN
ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (PINDAAN) 2020

No.	Peruntukan	Keterangan
1.	Seksyen 11(4)	Mewujudkan jawatan Timbalan Pengarah dan fungsi-fungsinya.
2.	Seksyen 12(2)	Memberi kuasa kepada Timbalan Pengarah untuk menjalankan fungsi Pengarah semasa ketiadaan Pengarah.
3.	Seksyen 26(4)	Memberi kuasa kepada LUAS untuk membayar elaun kepada semua ahli jawatankuasa berbanding hanya 12 orang sahaja sebelum ini.
4.	Seksyen 44(1)	Menambah kuasa LUAS untuk mengenakan caj terhadap lebihan pengambilan air selain daripada yang diluluskan.
5.	Seksyen 79(1)	Menambah unsur baharu iaitu bau atau rasa sebagai indikator perubahan terhadap sumber air.
6.	Seksyen 79(2)	Meluaskan ruang lingkup anggapan melakukan kesalahan pencemaran sumber air kepada pemilik kenderaan atau orang yang bertanggungjawab terhadap kenderaan dari mana kemasukan atau pelepasan itu berpunca.
7.	Seksyen 79(4)	<ul style="list-style-type: none"> i. Mewajibkan hukuman penjara tidak melebihi tempoh tiga (3) tahun dan ii. Memperuntukkan jumlah denda minimum RM 200,000 dan denda maksimum RM 1 juta.
8.	Seksyen 79(5)	Mewujudkan hukuman tambahan iaitu mana - mana orang yang disabitkan hendaklah membayar kepada LUAS semua perbelanjaan yang dilakukan untuk membaiki atau memulihkan apa-apa pencemaran oleh sebab kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 79.
9.	Seksyen 99A-99F	Mewujudkan seksyen baharu bagi menjelaskan tentang kuasa LUAS untuk menyita harta benda yang terlibat dengan suatu kesalahan, proses pelucuthakkan dan kos penyitaan.
10.	Seksyen 104(4)	Bayaran ganjaran kepada pemberi maklumat.
11.	Seksyen 112(2)	<ul style="list-style-type: none"> i. Mewajibkan LUAS untuk mendapatkan izin untuk mengkompaun daripada Pendakwa Raya; dan ii. Menaikkan had maksimum kompaun daripada satu per empat kepada satu per dua.
12.	Seksyen 125	Meluaskan skop perlindungan tanggungan peribadi kepada ahli-ahli Lembaga dan ahli jawatankuasa LUAS.